

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEMERLANGAN
BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN
KECEMERLANGAN (TBBK) BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
(PPP) DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan urusan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM).

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju untuk menambah baik dan memperkuuhkan lagi kaedah kenaikan pangkat PPPS dan PPPLD berdasarkan kepada prinsip *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan sebagai kesinambungan kepada transformasi kecemerlangan dalam perkhidmatan perguruan. Melalui penambahbaikan ini, PPPS boleh mencapai Gred DG54 dalam tempoh perkhidmatan 25 tahun dan PPPLD boleh mencapai Gred DGA38 dalam tempoh perkhidmatan 21 tahun tertakluk memenuhi tahap kecemerlangan serta syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP).
3. Kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dilaksanakan tanpa memerlukan kekosongan jawatan setelah memenuhi tempoh perkhidmatan dan tahap kecemerlangan yang ditetapkan oleh LKPPP.

PUNCA KUASA

4. Pelaksanaan urusan kenaikan pangkat ini adalah berdasarkan surat JPA Bil. JPA. BK (S) 255/4/5 Jld. 5 (56) bertarikh 13 April 2012 mengenai Penetapan Kaedah Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma di Kementerian Pendidikan Malaysia seperti di **Lampiran A**.
5. Pelaksanaan urusan kenaikan pangkat ini juga tertakluk kepada Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan Dan Gaji Pekerja-Pekerja Sektor Awam (JKK-MPGSA) Berhubung Penangguhan Penilaian Tahap Kecemerlangan Bagi Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Di Kementerian Pendidikan Malaysia melalui surat JPA Bil. JPA.BK(S)255/4/5 Jld.7(13) bertarikh 10 Januari 2013 seperti di **Lampiran B**.

6. Kelulusan Kaedah Pelaksanaan Penilaian Tahap Kecemerlangan Urusan Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma di Kementerian Pendidikan Malaysia adalah berdasarkan surat JPA Bil. JPA.BK(S)134/4/8-4(74) bertarikh 22 Ogos 2013 seperti di **Lampiran C**.

TAFSIRAN

7. Bagi maksud Garis Panduan ini:

“Agensi” ertinya Kementerian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri atau Jabatan, yang mana berkaitan;

“Kenaikan pangkat” ertinya peningkatan secara hakiki dari suatu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat;

“Ketua Jabatan” ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan atau Ketua Perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“Ketua Perkhidmatan” ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu perkhidmatan;

“Lembaga Kenaikan Pangkat” ertinya Lembaga Kenaikan Pangkat yang ditubuhkan di bawah mana-mana peraturan yang berkaitan;

“Mata gaji” ertinya amaun gaji tertentu yang terletak di sesuatu Jadual Gaji.

“Panel Penilai” ertinya panel penilai kriteria kecemerlangan yang dilantik oleh **Ketua Perkhidmatan** bagi menilai dan memperaku/tidak memperaku tahap kecemerlangan PPP;

“Panel Rayuan” ertinya panel rayuan kriteria kecemerlangan yang dilantik oleh **Ketua Perkhidmatan** bagi menilai, mempertimbangkan dan memperaku/tidak memperaku tahap kecemerlangan PPP;

“Pegawai” ertinya pegawai yang dilantik secara tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran; dan

“Skim Perkhidmatan” ertinya terma dan syarat-syarat pelantikan, pengesahan dan kenaikan pangkat bagi sesuatu jawatan dalam Perkhidmatan Awam.

SYARAT UMUM DAN KHUSUS KENAIKAN PANGKAT PPP SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN

8. PPP yang akan dinilai pada tahun semasa adalah PPP yang genap tempoh perkhidmatan pada tahun berikutnya seperti ketetapan berikut :

(a) Syarat Umum

- i. disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu wajaran Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tiga tahun terakhir seperti berikut:

PPPS

Gred Kenaikan Pangkat	Wajaran Markah Minimum LNPT (%)
PPPS	
DG44	78
DG48	78
DG52	80
DG54	80

PPPLD

Gred Kenaikan Pangkat	Wajaran Markah Minimum LNPT (%)
PPPLD	
DGA32	78
DGA34	78
DGA38	80

LNPT yang akan diguna pakai bagi tujuan kenaikan pangkat pada tahun 2013 adalah seperti berikut:

Tarikh Cadangan Kenaikan Pangkat	LNPT yang diguna pakai
1 Jan – 30 Jun 2013	2009, 2010 & 2011
1 Julai – 31 Dis 2013	2010, 2011 & 2012

*Nota : Wajaran LNPT bagi tahun pertama adalah 20%, tahun kedua 35% dan tahun ketiga 45%

- iii. bebas daripada tindakan tatatertib;

- iv. telah mengisytiharkan harta;
- v. lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- vi. bebas daripada senarai Peminjam Tegar Institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- vii. diperakukan oleh Ketua Jabatan.

(b) Syarat Khusus

- i. Memenuhi tempoh perkhidmatan yang ditetapkan seperti di Jadual 1;

Jadual 1: Tempoh perkhidmatan yang ditetapkan bagi PPPS

Gred Kenaikan Pangkat	Tempoh Perkhidmatan Di PPPS (tahun)	Jumlah Pengalaman Ex-PPPLD (tahun)*
	Gred DG41	
Gred DG44	8	Tiada
	7	1
	6	2
	5	3
	Gred DG44	Jumlah Pengalaman Ex-PPPLD (tahun)*
Gred DG48	8	Tiada
	7	1
	6	2
	5	3
	Gred DG48	
Gred DG52	6	-
	Gred DG52	
Gred DG54	3	-

* Tempoh pengalaman mengajar sebagai PPPLD yang boleh diambil kira bagi tujuan kenaikan pangkat iaitu 9 tahun pengalaman sebagai PPPLD bersamaan 3 tahun pengalaman di PPPS tertakluk kepada maksimum tiga (3) tahun dikekalkan.

PPPS (Ex-PPPLD) boleh menggunakan pakai tempoh tersebut berdasarkan kelayakan untuk urusan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan ke Gred DG44 atau DG48 sahaja

tertakluk kepada memenuhi syarat kenaikan pangkat, tahap prestasi dan kecemerlangan yang ditetapkan oleh LKPPP.

Jadual 2: Tempoh perkhidmatan yang ditetapkan bagi PPPLD

Gred Kenaikan Pangkat	Tempoh Perkhidmatan
Gred DGA32	8 tahun di Gred DGA29
Gred DGA34	8 tahun di Gred DGA32
Gred DGA38	5 tahun di Gred DGA34

Tempoh perkhidmatan yang tidak diambil kira bagi tujuan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

- (a) cuti tanpa gaji dan cuti separuh gaji bagi urusan peribadi;
- (b) tidak hadir bertugas tanpa cuti;
- (c) pelanjutan tempoh percubaan dengan denda; dan/atau
- (d) PPP yang pernah dilantik ke jawatan dalam skim yang lain tetapi kemudiannya kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya.

ii. mencapai **markah minimum kriteria kecemerlangan (KC) dan markah minimum keseluruhan** yang ditetapkan iaitu **80%** dan **ke atas** seperti di Jadual 3:

Jadual 3 : Markah minimum LNPT, kriteria kecemerlangan (KC) dan markah minimum keseluruhan

GRED	MARKAH MINIMUM LNPT	MARKAH MINIMUM KRITERIA KECEMERLANGAN (KC)	MARKAH MINIMUM KESELURUHAN (LNPT = 60% + KC = 40%)
DG54	80%		
DG52			
DG48	78%*		
DG44			
DGA38	80%		
DGA34			
DGA32	78%*		

* Markah minimum LNPT **78%** hanya terpakai bagi tempoh 01 Julai 2013 hingga 31 Disember 2013. Walau bagaimanapun, penyelarasan markah

minimum LNPT kepada 80% bagi kenaikan pangkat ke semua gred akan dilaksanakan mulai 01 Januari 2014.

9. PPP yang memenuhi tempoh perkhidmatan mengikut gred seperti di **Jadual 1** dan **Jadual 2** layak dipertimbangkan kenaikan pangkat setelah memenuhi kedua-dua syarat iaitu markah LNPT serta mencapai tahap kecemerlangan yang ditetapkan. Pegawai yang tidak memenuhi salah satu atau kedua-dua syarat tersebut **tidak layak dipertimbangkan** kenaikan pangkat.

PENILAIAN TAHAP KECEMERLANGAN

10. Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2012. Dalam tempoh peralihan pada 1 Januari 2012 hingga 30 Jun 2013, urusan kenaikan pangkat *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan ini hanya mengambil kira tempoh perkhidmatan dan markah LNPT.
11. Penilaian tahap kecemerlangan dan perakuan Panel Penilai berkuatkuasa mulai 1 Julai 2013 dan diguna pakai bagi PPP yang memenuhi tempoh perkhidmatan yang ditetapkan.
12. Objektif penilaian tahap kecemerlangan ini adalah seperti berikut:
 - a) Menggalakkan pembangunan kendiri (*self-development*) melalui usaha berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran;
 - b) Menggalakkan PPP menggunakan pengetahuan, kemahiran, kreativiti, inovasi dan bakat dalam pelaksanaan tugas;
 - c) Menggalakkan budaya kerja berterusan;
 - d) Memantapkan institusi pendidikan dalam sektor awam bagi melahirkan anak bangsa yang cemerlang; dan
 - e) Membolehkan pengiktirafan diberi kepada PPP melalui kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan.
13. Penilaian Tahap Kecemerlangan merupakan indikator bagi prestasi yang perlu dicapai oleh PPP untuk layak dipertimbangkan dalam urusan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan di samping markah wajaran LNPT. Penilaian Tahap Kecemerlangan ini adalah terpakai kepada semua kategori PPP.

KATEGORI PPP YANG DINILAI SERTA KOMPONEN PENILAIAN

14. PPP yang dinilai dibahagikan kepada empat (4) kategori. Komponen penilaian adalah berbeza mengikut bidang tugas PPP berdasarkan ketetapan seperti berikut :

(a) Kategori 1 (Guru)

PPP yang terlibat dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah (SM) atau Sekolah Rendah (SR) di bawah KPM atau di Institusi Pendidikan di bawah agensi lain yang mengisi jawatan kader/pinjaman.

Komponen Penilaian :

- Pengetahuan dan penguasaan isi kandungan pengajaran;
- Penyampaian pengajaran dengan strategi dan aktiviti P&P berdasarkan sumber yang bersesuaian untuk mencapai objektif pengajaran;
- Peningkatan prestasi pelajar;
- Penyeliaan dan khidmat nasihat oleh PPP yang menjadi sumber rujukan kepada PPP yang lain (untuk kenaikan pangkat ke Gred DGA34, DGA38, DG48, DG52 dan DG54 sahaja); dan
- Kegiatan kokurikulum, tugas khas dan sumbangan profesional di luar tugas rasmi.

(b) Kategori 2 (Pensyarah)

Pensyarah yang terlibat dalam P&P di Institut Aminuddin Baki (IAB), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), ELTC, Kolej Matrikulasi (KM) atau di agensi lain yang mengisi jawatan kader/pinjaman.

Komponen Penilaian :

- Pengetahuan dan penguasaan isi kandungan pengajaran;
- Penyampaian pengajaran dengan strategi dan aktiviti P&P berdasarkan sumber yang bersesuaian untuk mencapai objektif pengajaran;
- Peningkatan prestasi pelajar;
- Penyeliaan dan khidmat nasihat oleh PPP yang menjadi sumber rujukan kepada PPP yang lain (untuk kenaikan pangkat ke Gred DG48, DG52 dan DG54 sahaja); dan
- Tugas khas dan sumbangan profesional di luar tugas rasmi.

(c) Kategori 3 (Ketua Jabatan/ Pengetua/ Ketua Unit/ Guru Besar/ Penolong Kanan)

PPP yang terlibat dalam tugas pentadbiran dan pengurusan serta P&P di sekolah/IAB/IPGM/KM/ELTC dan Institusi Pendidikan di agensi lain.

Komponen Penilaian :

- Pengurusan sumber dan organisasi;
- Pengurusan kurikulum merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian;
- Penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam P&P;
- Kepimpinan dalam merancang dan mengetuai projek/program di pelbagai peringkat(untuk kenaikan pangkat ke Gred DGA34, DGA38, DG48, DG52 dan DG54 sahaja); dan
- Tugas khas dan sumbangan profesional di luar tugas rasmi.

(d) Kategori 4 (Pegawai Yang Tidak Termasuk dalam Kategori 1 ,2 atau 3)

PPP yang terlibat dalam tugas pentadbiran dan pengurusan di Bahagian/JPN/PPD/KM/Institusi Pendidikan di bawah KPM atau di agensi lain sebagai pegawai kader/pinjaman.

Komponen Penilaian :

- Penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tugas;
- Perancangan, Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian dalam menjalankan tugas rasmi;
- Penyeliaan dan khidmat nasihat oleh PPP yang menjadi sumber rujukan kepada PPP yang lain (untuk kenaikan pangkat ke Gred DGA34, DGA38, DG48, DG52 dan DG54 sahaja); dan
- Tugas khas dan sumbangan profesional di luar tugas rasmi.

KAEDAH PELAKSANAAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN

15. PPP yang telah memenuhi syarat untuk dipertimbangkan bagi tujuan kenaikan pangkat hendaklah mencapai tahap kecemerlangan yang telah ditetapkan. Penilaian tahap kecemerlangan akan dilaksanakan oleh Panel Penilai yang akan menilai PPP.

16. PPP perlu memastikan maklumat perkhidmatan masing-masing dikemas kini dalam sistem kenaikan pangkat semasa. Berikut adalah langkah-langkah bagi urusan proses kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan yang dilaksanakan secara manual dan atas talian:

PROSES	PENERANGAN	JADUAL PELAKSANAAN	TINDAKAN
Langkah 1	<ul style="list-style-type: none"> Pihak urus setia di BPSM, KPM menyiaran Surat Siaran Urusan Kenaikan Pangkat Secara <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan bagi PPP melalui sistem ePangkat serta di muat naik ke laman sesawang KPM dan edaran <i>hardcopy</i> (manual) kepada Ketua Jabatan. 	Ogos 2013	BPSM
Langkah 2	<ul style="list-style-type: none"> Ketua Jabatan mengenalpasti dan mengemaskini maklumat perkhidmatan PPP yang memenuhi syarat dan cukup tempoh pada Julai hingga Disember 2013 bagi urusan kenaikan pangkat <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan dalam <u>sistem kenaikan pangkat (ePangkat)</u>. Ketua Jabatan perlu memberi keutamaan pengemaskinian maklumat prestasi bagi PPP yang layak bagi bulan Julai – Disember 2013 sahaja. 	SEPANJANG MASA	Ketua Jabatan
Langkah 3	<ul style="list-style-type: none"> Ketua Jabatan mengenal pasti PPP yang memenuhi syarat umum dan syarat khusus kenaikan pangkat seperti yang dinyatakan dalam surat siaran urusan kenaikan pangkat. 	Julai – November 2013	Ketua Jabatan

PROSES	PENERANGAN	JADUAL PELAKSANAAN	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> Ketua Jabatan memuat turun dan mencetak Borang Penilaian Tahap Kecemerlangan melalui sistem ePangkat dan menyerahkan kepada PPP yang telah memenuhi syarat umum dan syarat khusus kenaikan pangkat secara <i>Time-Based</i> Berasaskan Kecemerlangan. 		
Langkah 4	<ul style="list-style-type: none"> PPP melengkapkan Borang Penilaian Tahap Kecemerlangan. 	September	PPP
Langkah 5	<ul style="list-style-type: none"> PPP menyerahkan Borang Penilaian Tahap Kecemerlangan yang telah dilengkapkan bersama-sama dengan dokumen sokongan yang telah disahkan kepada Ketua Jabatan. Ketua Jabatan menyerahkan Borang Penilaian Tahap Kecemerlangan kepada Panel Penilai. 	Fasa 1: September/ Oktober*	PPP/ Ketua Jabatan
Langkah 6	<ul style="list-style-type: none"> Panel Penilai bersidang untuk menilai tahap kecemerlangan PPP yang layak dinaikkan pangkat bagi bulan Julai hingga Disember dan menyerahkan keputusan penilaian kepada Ketua Jabatan berdasarkan fasa-fasa berikut: Fasa 1: Bagi calon yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat pada bulan Julai 		Panel Penilai

PROSES	PENERANGAN	JADUAL PELAKSANAAN	TINDAKAN
	<p>hingga September, panel penilai akan bersidang pada September/Okttober 2013.</p> <p>Fasa 2:</p> <p>Bagi calon yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat pada Okttober hingga Disember, panel penilai akan bersidang pada Okttober/November 2013.</p>	<p>Fasa 1: September/ Okttober*</p> <p>Fasa 2: Okttober/ November*</p>	
Langkah 7	<ul style="list-style-type: none"> Ketua Jabatan memperaku kenaikan pangkat PPP yang layak dinaikkan pangkat bagi Julai hingga Disember dan memasukkan keputusan penilaian dalam sistem ePangkat untuk dipanjangkan kepada JPN/Bahagian/IAB/ IPGM/KM. <p>Fasa 1:</p> <p>Bagi calon yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat pada Julai hingga September, perakuan kenaikan pangkat PPP perlu dikemukakan kepada JPN/ Bahagian/ IAB/ IPGM/ KM melalui sistem ePangkat selewat-lewatnya pada 07 Okttober 2013.</p> <p>Fasa 2:</p> <p>Bagi calon yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat pada Okttober hingga Disember, perakuan kenaikan pangkat PPP perlu dikemukakan kepada</p>	<p>Fasa 1: Tarikh Tutup 07 Okttober 2013 (Permohonan Calon)</p> <p>Fasa 2: Tarikh Tutup 28 Okttober 2013 (Permohonan Calon)</p>	Ketua Jabatan

PROSES	PENERANGAN	JADUAL PELAKSANAAN	TINDAKAN
	JPN/Bahagian/IAB/ IPGM/KM melalui sistem ePangkat selewat-lewatnya pada 28 Oktober 2013.		
Langkah 8	<ul style="list-style-type: none"> Ketua Jabatan di JPN/ Bahagian/ IAB/ IPGM/ KM mengesahkan perakuan kenaikan pangkat PPP yang layak dinaikkan pangkat bagi Julai hingga Disember 2013 melalui sistem ePangkat. 	Fasa 1: Tarikh Tutup 21 Oktober 2013 Fasa 2: Tarikh Tutup 11 November 2013	Ketua Jabatan
Langkah 9	<ul style="list-style-type: none"> Urus setia LKPPP mengemukakan Kertas Perakuan kenaikan pangkat untuk pertimbangan dan kelulusan LKPPP. 		
Langkah 10	<ul style="list-style-type: none"> LKPPP bersidang untuk mempertimbangkan perakuan kenaikan pangkat PPP. 	Fasa 1: November Fasa 2: Disember	BPSM
Langkah 11	<ul style="list-style-type: none"> Urus setia LKPPP memuat naik keputusan kenaikan pangkat ke laman sesawang : www.moe.gov.my/naikpangkat 		
Langkah 12	<ul style="list-style-type: none"> Urus setia LKPPP mengedarkan surat penyiaran kenaikan pangkat PPP kepada Ketua Jabatan di JPN/ Bahagian/ IAB/ IPGM/ KM untuk disemak sebelum diserahkan kepada PPP. 		

*Tertakluk kepada pemakluman iklan dalam Sistem ePangkat.

17. Panel Penilai hendaklah mengemukakan Borang Penilaian Tahap Kecemerlangan yang asal untuk tujuan rekod setelah selesai proses penilaian kepada Jabatan/ Bahagian seperti berikut:

TEMPAT BERTUGAS PPP	JABATAN/ BAHAGIAN
Sekolah Harian	PPD
Sekolah di bawah pengurusan Bahagian	Bahagian-bahagian berkaitan
PPD dan JPN	Unit Naik Pangkat, JPN
Bahagian	Sektor Khidmat Pengurusan/Pentadbiran Bahagian
IPGM	Sektor Khidmat Pengurusan/Pentadbiran IPGM
IAB	Sektor Khidmat Pengurusan/Pentadbiran IAB
KM	Sektor Khidmat Pengurusan/Pentadbiran KM
Jawatan kader / pinjaman	Ketua Jabatan di agensi PPP berkhidmat

TANGGUNG JAWAB KETUA JABATAN

18. Ketua Jabatan perlu mengenal pasti PPP yang telah memenuhi syarat umum dan syarat khusus kenaikan pangkat melalui sistem ePangkat. Hanya PPP yang telah mencapai tahap prestasi dan genap tempoh perkhidmatan yang ditetapkan sahaja boleh diberi Borang Penilaian Tahap Kecemerlangan. PPP yang didapati tidak memenuhi salah satu atau kedua-dua syarat tersebut tidak perlu dinilai.
19. Ketua Jabatan juga perlu mengemukakan senarai nama dan butiran perkhidmatan PPP yang cukup tempoh tetapi tidak mencapai wajaran markah minimum LNPT atau tidak melepas tahap kecemerlangan yang ditetapkan kepada urus setia LKPPP di BPSM melalui urus setia naik pangkat di Jabatan / Bahagian masing-masing.
20. Penilaian tahap kecemerlangan PPP perlu dilaksanakan di tempat bertugas semasa PPP.
21. Bagi PPP yang Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP), Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) dan Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG), dokumen penilaian yang diambil kira bagi tujuan penilaian tahap kecemerlangan adalah berdasarkan kepada dokumen sebelum PPP cuti belajar.

22. PPP yang sedang bercuti (Cuti Separuh Gaji atau Cuti Tanpa Gaji) akan diperakuan pada tahun PPP tersebut layak dipertimbangkan mengikut tempoh dan syarat kenaikan pangkat.

PANEL PENILAI

23. Penilaian tahap kecemerlangan akan dilaksanakan oleh Panel Penilai yang bertanggung jawab untuk menilai dan memperaku PPP yang layak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat. PPP yang diperaku dan tidak diperaku hendaklah diberi ulasan oleh Panel Penilai dalam Borang Penilaian Tahap Kecemerlangan.
24. Penilaian terhadap PPP adalah berdasarkan kepada dokumen yang telah disahkan dan dikepaskan bersama-sama Borang Penilaian Tahap Kecemerlangan. Keahlian bagi Panel Penilai terdiri daripada Pengerusi dan sekurang-kurangnya dua (2) orang ahli atau lebih dalam jumlah yang ganjil. Senarai Panel Penilai adalah seperti di **Lampiran D**.
25. Panel Penilai hendaklah bersidang dalam tempoh yang ditetapkan dan mengamalkan etika penilaian seperti berikut:
 - i. Menilai perkara-perkara yang telah digariskan di dalam Borang Penilaian Tahap Kecemerlangan;
 - ii. Menilai secara objektif, adil dan telus; dan
 - iii. Penilaian tidak dibuat secara tergesa-gesa atau dilakukan di saat akhir.
26. Bagi PPP yang tidak diperaku oleh Panel Penilai, Ketua Jabatan hendaklah menyampaikan satu (1) salinan keputusan berkenaan kepada PPP.

PANEL RAYUAN

27. PPP yang tidak diperaku oleh Panel Penilai boleh mengemukakan rayuan dalam **tempoh 30 hari** dari tarikh keputusan diterima dengan menggunakan Borang Rayuan seperti di **Lampiran E** kepada Panel Rayuan untuk penilaian semula.
28. Rayuan hanya boleh dibuat sekali (1) sahaja untuk sesuatu urusan penilaian tahap kecemerlangan.
29. Panel Rayuan bertanggung jawab untuk membuat penilaian semula pegawai yang tidak diperaku. Panel ini terdiri daripada Pengerusi dan seorang ahli sahaja. Senarai ahli Panel Rayuan adalah seperti di **Lampiran D**.
30. Panel Rayuan hendaklah bersidang dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh rayuan diterima. Keputusan rayuan adalah berdasarkan semakan semula dokumen sokongan dan Borang Penilaian Tahap Kecemerlangan PPP.

31. Panel Rayuan perlu melengkapkan Borang Laporan Panel Rayuan Tahap Kecemerlangan seperti di **Lampiran F** dan mengemukakannya kepada Ketua Jabatan dalam tempoh **seminggu** dari tarikh Panel Rayuan bersidang.
32. Bagi PPP yang berjaya dalam rayuan penilaian tahap kecemerlangan, Panel Rayuan hendaklah mengemukakan keputusan rayuan kepada Ketua Jabatan dan sesalinan kepada urus setia LKPPP di BPSM.
33. Bagi PPP yang masih gagal di dalam Panel Rayuan, Ketua Jabatan hendaklah menyampaikan satu (1) salinan keputusan kepada urus setia BPSM di KPM untuk pertimbangan dan keputusan LKPPP.
34. Bagi pegawai yang **gagal** dalam urusan kenaikan pangkat, Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan semula perakuan kenaikan pangkat pegawai selepas tempoh satu (1) tahun dari tarikh pegawai pertama kali dipertimbangkan. Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat pegawai yang dipertimbangkan semula adalah tidak kurang satu (1) tahun daripada tarikh pegawai layak dinaikkan pangkat secara TBBK.

KUASA MELULUS

35. Kuasa melulus kenaikan pangkat bagi PPPS dan PPPLD adalah seperti berikut:

Urusan	Kuasa Melulus
Ke Gred DG52 dan DG54	Perwakilan kuasa oleh LKPPP kepada Ketua Setiausaha KPM dengan wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Ke Gred DG44 dan DG48	
Ke Gred DGA32, DGA34 dan DGA38	LKPPP Kumpulan Sokongan di KPM

TARIKH KUATKUASA

36. Penilaian Tahap Kecemerlangan ini adalah terpakai untuk semua kategori yang merangkumi semua gred jawatan iaitu dari gred DGA29 hingga DG54. Pelaksanaan Kaedah Penilaian Tahap Kecemerlangan bagi urusan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2013.

PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN KENAIKAN PANGKAT

37. Keputusan kenaikan pangkat oleh LKPPP adalah **MUKTAMAD**. Keputusan mengenainya boleh disemak di laman sesawang KPM: www.moe.gov.my/naikpangkat dan melalui surat penyiaran urusan kenaikan pangkat yang akan diedarkan oleh Urus Setia LKPPP kepada Ketua Jabatan di JPN/Bahagian/IAB/IPGM/KM masing-masing.

PENUTUP

38. Garis panduan ini hendaklah diguna pakai dalam melaksanakan penilaian tahap kecemerlangan bagi urusan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan bagi PPP di KPM.

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
09 SEPTEMBER 2013**